

## KERATAN AKHBAR

(Bahagian Canselori)

Surat khabar: Utusan Sarawak (Tempatan)

Hari/Tarikh: 27/4/2016

Muka surat: 6

Tajuk : 61 pelajar SAKURA sertai program anjuran UNIMAS



SERONOK... Program dengan anjuran bersama IKRAM Siswa Kota Samarahan ini disokong sepenuhnya oleh 20 orang fasilitator yang terdiri daripada Jawatankuasa ICE UNIMAS 2016.

## 61 pelajar SAKURA sertai program anjuran UNIMAS

**KUCHING:** Innovation, Career & Education (ICE) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dengan kerjasama IKRAM Siswa Kota Samarahan menganjurkan Program Exploring Career Path: Aspiration For Inspiration di Sekolah Menengah (SM) Sains Kuching Utara (SAKURA), Kuching.

Program tersebut disertai oleh 61 pelajar Tingkatan Lima sekolah berkenaan.

Pelbagai aktiviti yang telah dijalankan seperti permainan dalam kumpulan, perkongsian daripada pelajar UNIMAS dan IKRAM Siswa Kota Samarahan dan sukaneka rakyat.

Menurut Pengarah Program Saudara Mohammad Noor Adam bin Mohd Nasir, program berkenaan bertujuan

untuk berkongsi ilmu berkaitan dunia kerjaya kepada pelajar-pekerja sekolah, selain ingin memberikan motivasi kepada pelajar supaya cemerlang dalam akademik dan kurikulum.

Program dengan anjuran bersama IKRAM Siswa Kota Samarahan ini disokong sepenuhnya oleh 20 orang fasilitator yang terdiri daripada Jawatankuasa ICE UNIMAS 2016.

"Program berbentuk khidmat komuniti sebegini amat ditekankan dalam usaha menjadikan mahasiswa untuk lebih ambil berat dan membantu masyarakat membangunkan modal insan yang cemerlang dan berdaya saing," ujarnya. Peserta program, Abdul Muzhaffar Bin Adenan menyifatkan program sebegini amat penting bagi

memberi pengetahuan kepada pelajar tentang cabaran yang bakal dihadapi dalam mendapatkan pekerjaan pada masa hadapan. "Dengan pendedahan sebegini akan menjadikan para pelajar akan lebih fokus dan terarah bagi memasuki universiti mengikut bidang yang disukai oleh mereka," katanya.

Wakil SAKURA, Dalina Binti Ismail selaku guru kaunseling, berkata pihaknya sentiasa mengalu-alukan kehadiran mana-mana pihak, terutamanya UNIMAS dan ICE dalam mendekatkan mahasiswa dengan pelajar-pelajar sekolah.

Kehadiran mahasiswa dalam membantu pihak sekolah disifatkan sebagai suatu contoh dan model terbaik yang mampu menginspirasi para pelajar.